



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 10/(2)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

3 Januari 2025
3 Rejab 1446H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

**PEMBAHARUAN LESEN TAHUN 2025 BAGI MENJALANKAN AMALAN
SEBAGAI JURUUKUR TANAH BERLESEN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr, sepertimana yang dinyatakan di bawah peraturan 6(1), Bahagian II, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011, bahawa '*Suatu permohonan untuk pembaharuan lesen amalan hendaklah dibuat kepada Lembaga menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga disertakan dengan pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum habis tempoh lesen*'.

3. Dalam hubungan ini, sekiranya YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr tidak memperbaharui lesen amalan tahun 2025 sebelum hari pertama bulan Februari 2025, maka nama YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr akan dikeluarkan daripada Daftar (*Register*). Perkara ini jelas dinyatakan di bawah Seksyen 8(6), Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) iaitu, '*The Secretary shall remove from the Register the name of any person, not being a Government surveyor, whose license to practise has not been renewed before the first day of February in any year*'.

4. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) mengambil berat akan perkara ini kerana mana-mana Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar secara automatiknya akan hilang kelayakan untuk menikmati apa-apa faedah yang diperolehi sebagai Juruukur Tanah Berdaftar (RLS).

5. Justeru itu, YBhg. Datuk Seri LSR / Datuk LSR / Dato' LSR / Tuan LSR / Puan LSR diminta untuk memperbaharui lesen amalan tahun 2025 bagi mengelakkan implikasi seperti yang dinyatakan di para 3 dan 4 di atas.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia